

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH  
A/L KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]**

**TARIKH : 10 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada moratorium bayaran balik pinjaman institusi kewangan akan diperkenalkan semula susulan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang dilaksanakan baru-baru ini di beberapa kawasan utama dan sekiranya tidak, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membantu peminjam yang terjejas akibat PKPB tersebut.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

1. Kerajaan telah memberikan kemudahan moratorium secara menyeluruh ke atas pinjaman bank selama 6 bulan sehingga September 2020 sebagai sebahagian langkah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (atau PRIHATIN) untuk membantu meringankan beban rakyat dan perniagaan. Bantuan akan terus diberikan meskipun selepas moratorium secara menyeluruh berakhir.
2. Dengan peralihan kepada bantuan bayaran balik pinjaman secara bersasar pada 1 Oktober 2020, bank terus menawarkan pelanjutan moratorium dan bentuk fleksibiliti bayaran balik pinjaman lain kepada peminjam yang terjejas akibat COVID-19. Bantuan ini disediakan kepada peminjam yang telah kehilangan pekerjaan atau pendapatan mereka terjejas, sama ada individu, isi rumah atau PKS sepanjang tahun 2020 sehingga tahun 2021.
3. Ekoran daripada gelombang ketiga wabak COVID-19 baru-baru ini, Kerajaan juga telah mengumumkan dalam Belanjawan 2021 bahawa bantuan bayaran balik pinjaman bersasar akan terus dilanjutkan kepada golongan B40 yang juga merupakan penerima Bantuan Prihatin Rakyat. Selain itu, perusahaan mikro dengan pinjaman berjumlah sehingga RM150,000 akan turut menikmati bantuan yang serupa.
4. Peminjam dari golongan B40 akan diberi pilihan sama ada menangguhkan bayaran balik pinjaman selama tiga bulan atau mengurangkan bayaran ansuran bulanan mereka sebanyak 50% dalam enam bulan bermula Disember 2020. Kelulusan diberikan secara automatik setelah mereka menyatakan pilihan mereka kepada bank. Peminjam yang memerlukan bantuan hanya perlu memaklumkan kepada bank masing-masing melalui pelbagai saluran mudah yang telah disediakan seperti perbankan internet, secara dalam talian atau menerusi Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

5. Bagi memastikan bantuan dapat diberikan dengan segera kepada mereka yang memerlukannya, proses permohonan telah dipermudahkan dan diringkaskan. Dalam kebanyakan keadaan, bank hanya menghendaki peminjam mengemukakan penyata bank terkini atau mengisyiharkan bahawa pendapatan mereka telah terjejas akibat sekatan pergerakan. Bagi penerima Bantuan Prihatin Nasional M40 yang memohon pengurangan ansuran mereka, bank juga telah bersetuju untuk menerima perisytiharan kendiri pengurangan pendapatan yang dialami akibat pandemik.
6. Dengan bank terus meluluskan hampir kesemua permohonan bantuan bayaran balik pinjaman, Kerajaan ingin menekankan bahawa bantuan bayaran balik pinjaman terus disediakan kepada mereka yang terjejas. Mereka hanya perlu menghubungi bank masing-masing.